

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1977**

=====

**NAMA “SETIAUSAHA KERAJAAN SELANGOR” DALAM
JADUAL YANG KETIGA KEPADA ENAKMEN KAWASAN
REZAB MELAYU (CAP. 142.)**

Pemungut Hasil Tanah adalah ditarik perhatian tentang S1.P.U.12 bertarikh 10hb Mac 1977 dimana Jadual yang ketiga kepada Enakmen Kawasan Rezab Melayu telah dipinda dengan memasukkan nama “Setiausaha Kerajaan Selangor”.

2. Mengikut pendapat Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan Rezab Melayu adalah ‘reserved land’ dan oleh yang demikian tanah tersebut tidak boleh digeset sekali lagi di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.
3. Peraturan yang dibuat sekarang iaitu Tanah Kerajaan di dalam kawasan Rezab melayu di keluarkan secara direzab di bawah Seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara untuk kegunaan awam dan dikawali oleh Ketua Jabatan Negeri yang berkenaan adalah tidak teratur.
4. Dengan Surat Pekeliling ini adalah dinasihatkan bahawa tanah Kerajaan di dalam kawasan Rezab jika hendak dikeluarkan sebagai rezab hendaklah direzabkan terus dengan nama “Setiuasaha Kerajaan Selangor”. Pada pratikalnya Ketua Jabatan yang berkenaan adalah ditanggungjawab untuk mengawalinya. Jika hendak dikeluarkan secara suratan hakmilik bolehlah dikeluarkan dengan nama Setiausaha Kerajaan Selangor Corporation. Tanah Kerajaan yang tidak termasuk di dalam Kawasan Rezab Melayu bolehlah direzabkan di bawah Seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara dan dikawal oleh Ketua Jabatan yang berkenaan.
5. Pengeluaran tanah Kerajaan di dalam kawasan Rezab Melayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan awam samada cara bergeran atau rezab hendaklah diteruskan dengan nama Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Persekutuan oleh sebab pindaan ini telah pun di masukkan dalam Jadual yang ketiga.
6. Pemungut-Pemunugt hendaklah patuhi dengan Surat Pekeliling ini.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. SULIT 0.348 (10)
KUALA LUMPUR
31HB MEI 1977